

**PENGARUH BAHASA IBUNDA DAN IDENTITI
BUDAYA TERHADAP PEMBAGUNAN
PRASETIA KEUSAHAWANAN DALAM
KALANGAN PELAJAR INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI AWAM DI MALAYSIA**

MOHD SENU BIN AWANG

**ASIA e UNIVERSITY
2024**

PENGARUH BAHASA IBUNDA DAN IDENTITI BUDAYA TERHADAP
PEMBAGUNAN PRASETIA KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN
PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DI MALAYSIA

MOHD SENU BIN AWANG

Tesis yang dikemukakan kepada Asia e University sebagai Memenuhi
Keperluan
Ijazah Doktor Falsafah dalam Bidang Pendidikan

November 2024

ABSTRACT

Entrepreneurial intention refers to the dimension of Entrepreneurial Intention that remains as a subject of continuous research interest due to its significant role in motivating individuals to embark on a career in entrepreneurship. A widely used and enduring model for measuring entrepreneurial intention is the Theory of Planned Behaviour (TPB). This mixed-method study aims to investigate the impact of the antecedent variables of the Theory of Planned Behaviour (TPB) model, reinforced by the incorporation of cultural identity as an independent variable. Furthermore, this study aims to assess the function of the mother language as an intermediary between the variables of the TPB model and cultural identity in influencing entrepreneurial intention. The study comprised a sample of 426 Malaysian IIUM students for quantitative analysis. Nine individuals who showed a pre-commitment to entrepreneurship were chosen as informants for qualitative enquiry. This explanatory research employed SPSS 26 software for pilot study and Smart PLS4 software to assess the research model's validity and reliability and perform numerical analysis. Using NVIVO 14, an artificial intelligence program, qualitative analysis was conducted. Research findings suggest that the concept of mother language has a statistically significant and positive impact on Attitude Towards Behaviour, as evidenced by a t-value of 3.278 and a p-value of 0.001, below the significance level of 0.05. The variable of Subjective Norm, via the mediation of the mother language, has a t-value of 3.033 and a p-value of 0.002, which is also below the significance level of 0.05. Perceived Behavioural Control, influenced by the mother language, has a t-value of 3.358 and a p-value of 0.001, which is less than the significance level of 0.05. Moreover, the mediation of Cultural Identity by the mother language yields a t-value of 4.651 and a p-value of 0.000, again below the significance level of 0.05. These values are classified as positive, acceptable, and statistically significant. The findings that the mother language significantly impacts entrepreneurial intention are further supported by the qualitative analysis conducted using NVIVO 14. Upon analysing the research results, the researchers concluded that the mother language substantially impacts the entrepreneurial intention and behaviour of students at Public Universities in Malaysia. The findings of this study can be employed by other scholars, policymakers, and stakeholders in the entrepreneurial ecosystem to foster the development of more environmentally independent future entrepreneurs.

Keywords: Mother language, cultural identity, entrepreneurial intention, theory of planned behaviour, public universities' Malaysian students

ABSTRAK

Prasetia keusahawanan merujuk niat atau janji yang teguh, merupakan dimensi yang sentiasa mendapat perhatian penyelidikan, kerana merupakan antara faktor yang mendorong seseorang untuk menceburi kerjaya dalam bidang keusahawanan. Model Teori Tingkah laku yang Dirancang-Theory of Planned Behaviour (TPB), merupakan model serba boleh (*versatile*) dan malar hijau yang sering diguna pakai bagi menerangkan prasetia keusahawanan. Penyelidikan campuran ini bertujuan meneroka pengaruh antecedent elemen model TPB, dan ditambah dengan konstruk Identiti budaya sebagai pemboleh ubah tidak bersandar. Penyelidikan ini juga bertujuan menilai pengaruh bahasa Ibunda sebagai mediator kepada variabel model TPB dan variabel Identiti budaya terhadap prasetia keusahawanan. Sebanyak 426 orang mahasiswa Malaysia IIUM dipilih sebagai sampel bagi mendapat data untuk analisis kuantitatif dan sembilan orang dalam kalangan mereka yang cenderung kepada prasetia keusahawanan dipilih sebagai informan untuk penyelidikan kualitatif. Penyelidikan ‘explanatory’ ini akan menggunakan perisian SPSS 26, untuk kajian rintis, perisian Smart PLS4 pula, telah digunakan untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan model penyelidikan dan untuk analisis numirikal. Sementara alat kecerdasan buatan NVivo 14, pula digunakan bagi analisis kualitatif. Dapatan penyelidikan menunjukkan konstruk bahasa Ibunda berpengaruh positif dan signifikan terhadap Sikap terhadap tingkah laku dengan nilai t sebesar 3.278. Manakala nilai p pula 0.001, iaitu lebih kecil daripada 0.05. Norma Subjektif melalui mediator bahasa Ibunda, menunjukkan nilai t 3.033. Manakala nilai p pula sebesar 0.002, lebih kecil daripada 0.05. Konstruk Kawalan tingkah laku melalui mediator bahasa Ibunda, menunjukkan nilai- t 3.358 dan nilai p pula sebesar 0.001, lebih kecil daripada 0.05 dan Identiti budaya melalui mediator bahasa Ibunda, menunjukkan nilai t , 4.651. Manakala nilai p pula 0.000, lebih kecil daripada 0.05. Nilai-nilai yang dicapai adalah positif, boleh diterima dan signifikan. Sementara analisis kualitatif, NVivo 14, juga selari dan menyokong dapatan penyelidikan kuantitatif bahawa bahasa Ibunda secara signifikan berpengaruh terhadap prasetia keusahawanan. Berdasarkan daripada dapatan penyelidikan yang telah dijalankan, penyelidik mendapati gelagat prasetia keusahawanan juga dipengaruhi oleh Identiti budaya dan bahasa Ibunda yang berkuasa mempengaruhi prasetia keusahawanan dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia. Hasil penyelidikan ini boleh dimanfaatkan oleh para penyelidik, penggubal dasar dan pemain ekosistem keusahawanan untuk menjana lebih ramai usahawan masa hadapan yang lebih lestari.

Kata kunci: Bahasa ibunda, identiti budaya, prasetia keusahawanan, teori tingkah laku yang dirancang, pelajar IPTA di Malaysia.

HALAMAN PENGESAHAN

Tesis ini adalah bagi memenuhi keperluan penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pendidikan.

Pelajar telah diselia oleh: **Profesor Dr. Kamarulzaman Ab. Aziz**

Associate Professor Dr Farid Shamsudin

Asia e University

Pemeriksa 1

Professor Madya Dr Dzulkifli bin Mukhtar

University Malaysia Kelantan

Pemeriksa 2

Tesis ini telah dikemukakan kepada Asia e University dan diterima sebagai memenuhi keperluan bagi penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah.



Dr Swa Lee Lee

Asia e University

Pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan

(17 November 2024)

PENGAKUAN

Saya akui bahawa karya yang dikemukakan bagi memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah ini adalah hasil kerja saya sendiri dan semua kandungan daripada mana-mana individu atau sumber telah dirujuk secara wajar. Saya akui bahawa karya ini belum pernah dikemukakan, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, untuk sebarang ijazah di universiti ini atau universiti lain. Saya memahami bahawa sebarang pelanggaran terhadap perakuan ini adalah dianggap sebagai salah laku akademik yang boleh mengakibatkan penggantungan atau penarikan semula penganugerahan ijazah terhadap saya.

Nama: Mohd Senu bin Awang



Tandatangan Pelajar:

Tarikh: 17 November 2024

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya berpeluang untuk mengikuti pengajian PhD di Asia e University (AeU). Syukur kepada Allah, saya dikurniakan kekuatan fizikal dan mental, kesabaran, keberanian dan kebijaksanaan sepanjang perjalanan menyiapkan tesis PhD ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah banyak membantu dalam menyempurnakan tesis PhD ini. Pertama, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Dr Kamarulzaman Ab. Aziz, atas dorongan dan tunjuk ajar yang berterusan daripada beliau, bagi memastikan penyelidikan ini siap sepenuhnya. Pengalaman dan pengetahuan yang mendalam beliau dalam penyelidikan ilmiah memberi inspirasi kepada penyelidikan ini. Buat Allahyarham Dr Wan Sabri, penyelia asal penyelidikan ini dan juga rakan karib, terima kasih kerana telah meletakkan saya di landasan yang betul. Semoga Allah tempatkan Allahyarham Dr. Wan Sabri bersama-sama para solihin.

Di samping itu, saya juga ingin merakamkan terima kasih tidak terhingga kepada keluarga tercinta, kerana sentiasa membantu dan memberi semangat bagi menyiapkan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada isteri tercinta Nor Aishah, anak-anak tersayang Mohd Ammar Zikry dan Nur Aleeya Nafisah. Dan teristimewa, Ayahanda Awang, bonda Leha, dan Bonda Mentua Umami Yah dan ayahanda mentua Abdul Wahab, semoga Allah melimpahkan Rahmat-Nya kepada kalian semua.

Penghargaan tulus ikhlas kepada rakan-rakan di IIUM, pelajar-pelajar yang terlibat dan semua yang menyokong dan memberi bantuan tanpa syarat. Penyelidikan ini tidak akan siap sepenuhnya tanpa kerjasama dan sokongan daripada kalian semua. Semoga Allah kurniakan kebaikan atas sumbangan dan bakti kalian. Amin.

KANDUNGAN

ABSTRACT	ii
ABSTRAK	iii
HALAMAN PENGESAHAN	iv
PENGAKUAN	v
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	ix
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xix
GLOSARI	xx
BAB 1	Pengenalan
1.0	1
1.1	2
1.2	6
1.3	16
1.4	26
1.5	28
1.6	29
1.7	29
1.7.1	30
1.7.2	30
1.7.3	31
1.7.4	33
1.8	33
1.8.1	34
1.8.2	35
1.8.3	36
1.8.4	37
1.9	38
1.10	41
BAB 2	KAJIAN LITERATUR
2.0	42
2.1	45
2.1.1	52
2.1.2	53
2.2	56
2.2.1	59
2.2.2	61
2.2.3	64
2.3	66
2.3.1	69

2.3.2	Hubungan antara Norma Subjektif terhadap Prasetia Keusahawanan	72
2.3.3	Hubungan antara Kawalan Tingkah Laku terhadap Prasetia Keusahawanan	74
2.3.4	Hubungan antara Identiti Budaya terhadap Prasetia Keusahawanan	78
2.3.5	Hubungan antara Pengaruh Bahasa Ibunda terhadap Prasetia Keusahawanan	80
2.3.6	Hubungan antara Demografi Pelajar terhadap Prasetia Keusahawanan	83
2.4	Tinjauan Literatur Penyelidikan Prasetia Keusahawanan	86
2.4.1	Tinjauan Literatur Teori Tingkah Laku yang Dirancang dan Prasetia Keusahawanan	89
2.4.2	Tinjauan Literatur Identiti Budaya dan Prasetia Keusahawanan	97
2.4.3	Pengaruh Bahasa Ibunda terhadap Prasetia Keusahawanan	100
2.4.4	Pengaruh Demografi Pelajar terhadap Bahasa Ibunda kepada Prasetia Keusahawanan	102
2.5	Kerangka Konseptual Penyelidikan	106
2.6	Kesimpulan	108
BAB 3	KAEDAH PENYELIDIKAN	110
3.0	Pengenalan	110
3.1	Pembangunan Hipotesis Penyelidikan	111
3.2	Hipotesis Asas Teori Prasetia Keusahawanan	113
3.2.1	Variabel Sikap Terhadap Tingkah Laku	114
3.2.2	Variabel Norma Subjektif	115
3.2.3	Variabel Kawalan Tingkah Laku	116
3.3	Hipotesis untuk Menguji Pengaruh Identiti Budaya terhadap Prasetia Keusahawanan	118
3.4	Hipotesis untuk Menguji Pengaruh Peranan Bahasa Ibunda sebagai Pengaruh Mediator terhadap Prasetia Keusahawanan	120
3.5	Hipotesis untuk Menguji Pengaruh Demografi sebagai Moderator terhadap Bahasa Ibunda kepada Prasetia Keusahawanan	122
3.6	Reka bentuk Penyelidikan	125
3.6.1	Pendekatan Kaedah Penyelidikan Campuran	126
3.6.2	Populasi dan Sampel Penyelidikan	133
3.6.3	Instrumen dan Strategi Pengumpulan Data	139
3.6.4	Prosedur Pengumpulan Data	145
3.7	Pengujian Awal dan Pengesahan Instrumen Penyelidikan	147
3.7.1	Kajian Rintis	148
3.8	Rumusan	177
BAB 4	KEPUTUSAN	179
4.0	Pengenalan	179
4.1	Semakan Data Saringan Data dan Analisis Awal Data Penyelidikan	180
4.1.1	Ujian Data Tercicir	181
4.2	Analisis Demografi Responden	182
4.3	Analisis Deskriptif Penyelidikan Kuantitatif	187

4.3.1	Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah Tidak Bersandar – Sikap terhadap Tingkah Laku	189
4.3.2	Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah Tidak Bersandar – Norma Subjektif	190
4.3.3	Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah Tidak Bersandar – Kawalan Tingkah Laku	191
4.3.4	Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah Tidak Bersandar- Identiti Budaya	192
4.3.5	Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah Mediator- Bahasa Ibunda	193
4.3.6	Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah Bersandar- Prasetia Keusahawanan	194
4.3.7	Nilai Purata Analisis Deskriptif Prasetia Keusahawanan	195
4.4	Ujian Normaliti Data	196
4.5	Ujian Multikolineariti	198
4.6	Penilaian Model Pengukuran	201
4.7	Pengujian Kesahan Konvergen	204
4.8	Pengujian Kesahan Kandungan (<i>Estimates of Loading</i>)	207
4.8.1	Kesahan Diskriminan	209
4.9	Analisis Model Struktural (<i>Inner Model</i>)	212
4.9.1	Penilaian Varian Konstruk Endogen (R ²)	215
4.9.2	Analisis Ramalan Relevan (<i>Predictive Relevance - Q²</i>)	216
4.9.3	Penilaian Kesesuaian Model (<i>GoF</i>)	217
4.9.4	Penilaian <i>Common Method Bias</i>	218
4.10	Analisis Hipotesis Penyelidikan	219
4.10.1	Pengujian Hipotesis Kesan Langsung	221
4.10.2	Pengujian Hipotesis Pengaruh Mediator Bahasa Ibunda	227
4.11	Analisis Pengaruh Moderator Aspek Demografi terhadap Pengaruh Mediator Bahasa Ibunda kepada Prasetia Keusahawanan	235
4.12	Analisis Data Kualitatif	237
4.13	Profil Demografi Informan	239
4.14	Proses Analisis Temu Bual Separa Berstruktur	239
4.14.1	Analisis Tema Motivasi	241
4.14.2	Analisis Tema Jaringan Sokongan	244
4.14.3	Analisis Tema Pengaruh bahasa Ibunda	248
4.14.4	Analisis Tema Prasetia Keusahawanan	253
4.15	Rumusan	256
BAB 5	PERBINCANGAN DAN CADANGAN	259
5.0	Pengenalan	259
5.1	Penemuan Hasil Penyelidikan	260
5.1.1	Objektif Penyelidikan 1- Untuk Meneliti (<i>To Examine</i>) Tahap Prasetia Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar IPTA	260
5.1.2	Objektif Penyelidikan 2- Untuk Meneroka Tahap Hubungan Antara Pengaruh Variabel Sikap Terhadap Tingkah Laku, Norma Subjektif, Kawalan Tingkah Laku dan Identiti Budaya, Terhadap Prasetia Keusahawanan Kalangan Pelajar IPTA	261
5.1.3	Objektif Penyelidikan 3- Untuk menilai (<i>To Evaluate</i>) Hubungan Antara Bahasa Ibunda Dalam Pendidikan Keusahawanan adalah Faktor Moderator yang Signifikan kepada	

	Pengaruh Sikap terhadap Tingkah Laku, Norma Subjektif, Kawalan Tingkah Laku Dan Identiti Budaya Terhadap Tahap Prasetia Keusahawanan Pelajar IPTA	265
	5.1.4 Objektif Penyelidikan 4- Untuk Menentukan (<i>To Determine</i>) Perkaitan Kesan Moderator Aspek Demografi-Jantina terhadap Pengaruh Bahasa Ibunda kepada Prasetia Keusahawanan Pelajar IPTA	268
5.2	Dapatan Hasil Temu Bual Penyelidikan Kualitatif-NVivo 14	270
5.3	Batasan Penyelidikan	273
5.4	Sumbangan Penyelidikan	274
	5.4.1 Sumbangan kepada Teori Prasetia Keusahawanan dan Model Baru	275
	5.4.2 Sumbangan kepada Pembuat Dasar Pembangunan Keusahawanan	276
5.5	Sumbangan kepada Penyelidikan Prasetia Keusahawanan	285
5.6	Cadangan Penyelidikan Prasetia Keusahawanan Masa Hadapan	287
5.7	Penutup	289
	RUJUKAN	291
	LAMPIRAN	313
	Lampiran 1: Item Soal Selidik Kuantitatif yang telah Disahkan	313
	Lampiran 2: Soalan Temu Bual Penyelidikan Kualitatif yang telah Disahkan	319

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
Jadual 3.1 Sampel dan Populasi Penyelidikan - Krejcie & Morgan (1970)	136
Jadual 3.2 Sampel Pelajar yang Mengambil Kursus Bahasa Melayu bagi Tiga Kampus	139
Jadual 3.3 Segmen Soalan Soal Selidik Kuantitatif	140
Jadual 3.4 Lima Mata Skala Likert	142
Jadual 3.5 Nilai Pekali Cronbach Alpha	152
Jadual 3.6 Jantina Responden	153
Jadual 3.7 Umur Responden	154
Jadual 3.8 Tahun Pengajian Responden	154
Jadual 3.9 Fakulti Responden	154
Jadual 3.10 Pendapatan Keluarga (Sebulan) Responden	155
Jadual 3.11 Bilangan Responden yang Mempunyai Pengalaman Berniaga Sebelum Memasuki Universiti	155
Jadual 3.12 Bilangan Responden yang Mempunyai Perniagaan Sendiri Sebelum Memasuki Universiti	156
Jadual 3.13 Responden yang Bercita-cita Memiliki Perniagaan Sendiri Semasa Belajar di Universiti	156
Jadual 3.14 Responden yang Memiliki Perniagaan Sendiri Semasa Belajar di Universiti	156
Jadual 3.15 Jenis Perniagaan yang Dijalankan oleh Responden	157
Jadual 3.16 Ibu bapa Responden Mempunyai Perniagaan Sendiri	157

Jadual 3.17	Responden Mempunyai Keluarga Terdekat yang Menjalankan Perniagaan	158
Jadual 3.18	Responden yang Bercita-Cita untuk Menjadi Usahawan Sepenuh Masa di Masa Hadapan	158
Jadual 3.19	Interpretasi Skor Cronbach Alpha Rasch	160
Jadual 3.20	Nilai Cronbach Alpha Instrumen Pemboleh Ubah Tidak Bersandar	161
Jadual 3.21	Nilai Kebolehpercayaan Pemboleh Ubah Mediator bagi Pengaruh Bahasa Ibunda	163
Jadual 3.22	Nilai Pengujian Kebolehpercayaan Bagi Pemboleh Ubah Bersandar, Prasetia Keusahawanan	164
Jadual 3.23	Jadual Tahap Kecenderungan Skor Min	165
Jadual 3.24	Taburan Skor Min Bagi Pemboleh Ubah Sikap Terhadap Tingkah Laku Terhadap Prasetia Keusahawanan	166
Jadual 3.25	Taburan Min Bagi Item Norma Subjektif Terhadap Prasetia Keusahawanan	167
Jadual 3.26	Taburan Min Bagi Pemboleh Ubah Kawalan Tingkah Laku Terhadap Prasetia Keusahawanan	168
Jadual 3.27	Taburan Min Bagi Soal Selidik Pengaruh Identiti Budaya Terhadap Prasetia Keusahawanan	169
Jadual 3.28	Purata Min bagi Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Sikap Terhadap Tingkah Laku, Norma Subjektif, Kawalan Tingkah Laku dan Identiti Budaya Kepada Prasetia Prasetia Keusahawanan	170
Jadual 3.29	Taburan Min Bagi Soal Selidik Prasetia Keusahawanan	171

Jadual 3.30	Nilai dan Hubungan Korelasi	173
Jadual 3.31	Ujian Korelasi antara Pemboleh Ubah Tidak Bersandar, Pemboleh Ubah Mediator Dengan Pemboleh Ubah Bersandar Prasetia Keusahawanan	174
Jadual 3.32	Ujian Korelasi antara Pemboleh Ubah Tidak Bersandar Dengan Pemboleh Ubah Mediator	176
Jadual 4.1	Demografi Responden	183
Jadual 4.2	Jumlah Item Soal selidik Kuantitatif	187
Jadual 4.3	Skor Min Pemboleh ubah -Sikap terhadap tingkah laku	189
Jadual 4.4	Skor Pemboleh Ubah Norma Subjektif	190
Jadual 4.5	Skor Min Pemboleh Ubah Kawalan Tingkah Laku	191
Jadual 4.6	Skor Min Pemboleh Ubah Identiti Budaya	192
Jadual 4.7	Skor Min Pemboleh Ubah Mediator Bahasa Ibunda	193
Jadual 4.8	Skor Min Pemboleh Ubah Bersandar-Prasetia Keusahawanan	194
Jadual 4.9	Nilai Purata Analisis Deskriptif Item Soal Selidik Prasetia Keusahawanan	195
Jadual 4.10	Nilai Skewness & Nilai Kurtosis – Kolmogorov-Smirnov Kesemua Data dalam Lingkungan Normaliti Memuaskan	198
Jadual 4.11	Nilai VIF dan Nilai Toleran Pemboleh Ubah Eksogenous	200
Jadual 4.12	Nilai Cronbach Alpha, Nilai Composite Reliability (CR) dan Nilai AVE bagi Model Pengukuran Penyelidikan	205
Jadual 4.13	Nilai Kesahan Kandungan	208
Jadual 4.14	Kesahan Diskriminan HTMT	210
Jadual 4.15	Kriteria Fornell-Larker	211
Jadual 4.16	Nilai Ramalan Relevan PSK	217

Jadual 4.17	Nilai SRMR bagi Kesesuaian Model (Model Fit)	218
Jadual 4.18	Nilai VIF	219
Jadual 4.19	Model Konseptual Penyelidikan Prasetia Keusahawanan	220
Jadual 4.20	Hasil Hipotesis Kesan Lansung	222
Jadual 4.21	Kesan Pengaruh Mediator Bahasa Ibunda terhadap Prasetia Keusahawanan	231
Jadual 4.22	Pengaruh Moderator Demografi kepada Bahasa Ibunda terhadap Prasetia Keusahawanan	236
Jadual 4.23	Set Soalan Temu Bual	238

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
Rajah 1.1	Pengangguran dalam Kalangan Siswazah Malaysia 2017-2021	18
Rajah 1.2	Prasetia Keusahawanan Negara Asean	21
Rajah 1.3	Kedudukan Negara Asean Bagi Prasetia Keusahawanan & Keusahawanan Sebagai Kerjaya Pilihan	22
Rajah 2.1	Statistik Kecenderungan Perniagaan	49
Rajah 2.2	Teori Penyelidikan Pembangunan Prasetia Keusahawanan	58
Rajah 2.3	Model Teori Tindakan Alasan – Fishbein & Ajzen (1975)	60
Rajah 2.4	Model Peristiwa Keusahawanan Shapero – Sokol (1982)	62
Rajah 2.5	Model Teori Tingkah Laku yang Dirancang – Icek Ajzen (1991; 2020)	65
Rajah 2.6	Model Penyelidikan Prasetia Keusahawanan	67
Rajah 2.7	Kerangka Konseptual Model Penyelidikan Prasetia Keusahawanan	108
Rajah 3.1	Hipotesis Penyelidikan Model TPB yang Diubah Suai	113
Rajah 3.2	Model Kaedah Penyelidikan Campuran	128
Rajah 3.3	Reka Bentuk Penyelidikan Penjelasan (Explanatory Design) Creswell dan Clark (2007)	132
Rajah 3.4	Populasi Mahasiswa Malaysia IIUM i-Perform 2.0 - Office for Strategic & Institutional Change –IIUM	138
Rajah 3.5	Kerangka Penyelidikan Kualitatif	143
Rajah 3.6	Nilai Cronbach Alpha dan Model TPB yang Diubah Suai	161

Rajah 3.7	Nilai Korelasi dan Hubungan Variabel Berdasarkan Model TPB yang Diubah Suai	177
Rajah 4.1	Simbol Rajah SmartPLS	202
Rajah 4.2	Model Penuh Kerangka Konseptual Penyelidikan Prasetia Keusahawanan	215
Rajah 4.3	Model Pengaruh Mediasi	229
Rajah 4.4	Model Laluan Mediasi Sederhana (Rik Pieters, 2017)	230
Rajah 4.5	Hasil Dapatan Jawapan Informan Bermotivasi Terhadap Prasetia untuk Menceburi Kerjaya Keusahawanan	242
Rajah 4.6	Ilustrasi Kekerapan Kata yang Diungkapkan bagi Menyokong Motivasi dalam Kalangan Informan	243
Rajah 4.7	Visual Hasil Proses Analisis Menggunakan Perisian Nvivo 14	246
Rajah 4.8	Faktor Jantina Jaringan Sokongan telah menjadi Pendorong kepada Prasetia Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar IIUM	246
Rajah 4.9	Ilustrasi Kekerapan Kata bagi tema Jaringan Sokongan	248
Rajah 4.10	Bahasa Ibunda merupakan Mediator boleh Mempengaruhi Prasetia Keusahawanan	252
Rajah 4.11	Prasetia Keusahawanan	255

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Ibunda
DKN 2030	Dasar Keusahawanan Nasional 2030
EPU	Unit Perancang Ekonomi
GEM	Global Entrepreneurship Monitor
IB	Identiti budaya
IIUM	International Islamic University Malaysia
IPTA	Institut pengajian tinggi awam
IPTS	Institut pengajian tinggi swasta
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KTL	Kawalan tingkah laku
NS	Norma subjektif
PSK	Prasetia keusahawanan
Smart PLS	Partial Least Square-Structural Equation Model
SPSS	Statistical Package for Social Science
STL	Sikap terhadap tingkah laku
TPB	Theory of Planned Behavior
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia

GLOSARI

Data Awan – *Cloud data*

Kaedah penyelidikan campuran- *Mixed method research*

Kawalan tingkah laku – *Perceived behavior control*

Model Teori Tindakan Alasan – *Theory Reason Action Model*

Penyelidikan Penjelasan – *Explanatory Research*

Peristiwa pencetus – *Trigger events*

Prasetia keusahawanan – *Entrepreneurial intention*

Ramalan Relevan – *Predictive Relevance*

Saringan data – *Data screening*

Sikap terhadap tingkah laku – *Attitude towards behavioural*

Temu bual separa berstruktur – *Semi-structured interview*

Teori Peristiwa Keusahawanan – *Entrepreneurial Event Theory*

Teori tingkah laku yang Dirancang – *Theory of Planned Behaviour*

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Sejak kebelakangan ini, bidang keusahawanan sangat berkembang maju. Sokongan daripada pelbagai pihak terutamanya, pihak kerajaan, melalui agensi yang berkaitan bagi membantu rakyat Malaysia menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Prasetia atau niat atau janji yang teguh (Kamus Dewan Edisi ke-4, 2005) merupakan asas utama dalam apa-apa jua perkara yang ingin dilakukan supaya perancangan dapat dilaksanakan dengan baik dan tidak merugikan masa serta tenaga. Begitu juga dalam menentukan hala tuju bagi kerjaya keusahawanan, sudah pasti memerlukan prasetia keusahawanan yang tinggi kerana prasetia akan menjadi salah satu kekuatan motivasi bagi membangunkan suatu perniagaan baru.

Bidang keusahawanan dikatakan penting bagi melahirkan lebih ramai usahawan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menjalankan perniagaan, terutama dalam kalangan mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Malahan kursus dan program pendidikan keusahawanan di IPTA, telah berkembang pesat dan berstruktur. Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti keusahawanan yang dianjurkan oleh IPTA akan mendedahkan mereka kepada pelbagai kemahiran, antaranya kemahiran khusus dalam keusahawanan seperti kebolehan untuk mengenal pasti peluang perniagaan dan kebolehan untuk merangka perancangan masa hadapan dalam kerjaya keusahawanan.

Kepelbagaian aktiviti keusahawanan yang berorientasikan teoritikal dan praktikal yang memberi tumpuan kepada motivasi dan psikologi mestilah menggunakan bahasa yang mudah difahami, bahasa yang digunakan seharian untuk

mencambahkan motivasi dan memupuk minat terhadap keusahawanan selain daripada untuk mencungkil bakat sedia ada yang wujud dalam diri pelajar IPTA serta menjadikan keusahawanan sebagai suatu budaya kerjaya pilihan pada masa hadapan. Menceburi kerjaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa juga boleh meningkatkan kepada kebolehpasaran graduan dan mengurangkan pengangguran. Telah banyak usaha yang dijalankan oleh pelbagai pihak bagi memupuk prasetia keusahawanan dalam kalangan generasi muda termasuk mahasiswa IPTA.

Kesimpulannya, penyelidikan ini penting bagi mengukur keberkesanan program pendidikan keusahawanan mahasiswa di IPTA dan meneruskan kelangsungan penyelidikan ilmiah tentang prasetia keusahawanan terutamanya, kepada pembangunan penyelidikan pendidikan keusahawanan. Dalam masa yang sama penyelidikan ini juga penting untuk meneroka kemampuan pengaruh bahasa Ibunda iaitu bahasa Melayu sebagai alat komunikatif dan linguistik moden dalam pendidikan keusahawanan di IPTA. Keunikan penyelidikan ini bukan sahaja mengukur prasetia keusahawanan malahan juga meneroka pengaruh Identiti budaya dan bahasa Ibunda terhadap prasetia keusahawanan dalam kalangan pelajar Malaysia di IPTA.

1.1 Latar Belakang Penyelidikan

Keusahawanan merupakan suatu bidang kerjaya yang sangat penting di negara kita. Keusahawanan sering dikaitkan dengan penciptaan inovasi, peningkatan produktiviti, mewujudkan prospek peluang pekerjaan, mengubah budaya hidup, meneruskan legasi kerjaya dan mempengaruhi masyarakat. Bahkan keusahawanan berhubung rapat dengan pembangunan ekonomi, mengurangkan jurang pengangguran dan pembasmi kemiskinan. Bagi menjamin kerjaya keusahawanan terus relevan sepanjang masa,

pendidikan keusahawanan perlu mengikuti aliran terkini dan menjurus kepada pemupukan minat sebagai kerjaya masa hadapan.

Pendidikan keusahawanan telah menjadi salah satu agenda utama kerajaan untuk memacu pembangunan modal insan dan pertumbuhan ekonomi negara. Industri pendidikan tinggi diberi mandat untuk memastikan program dan kurikulum akademik pendidikan keusahawanan relevan dengan pertumbuhan ekonomi semasa dan ekonomi masa hadapan (DKN 2030). Pelbagai dasar, polisi dan garis panduan keusahawanan telah diperkenalkan dan dibangunkan oleh kerajaan Malaysia.

Umpamanya, Dasar Pembangunan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi yang diperkenalkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2010, bagi menggalakkan mahasiswa daripada pelbagai latar belakang pendidikan menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Tujuan dasar ini untuk menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik dalam kalangan pelajar IPTA bagi melahirkan lebih ramai modal insan berkualiti yang mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan di samping melahirkan lebih ramai usahawan yang berinovasi di Malaysia yang mampu menjadi pemangkin kepada ekonomi negara menjelang tahun 2030 (Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2011-2015, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia).

Selain daripada itu, tujuan lain dasar ini juga adalah merupakan salah satu usaha jangka panjang pihak kerajaan untuk menangani isu pengangguran dan masalah kebolehpasaran graduan (Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025) di Malaysia, terutamanya dalam kalangan graduan IPTA.

Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) 2023-2030, pula bertujuan untuk merealisasikan